

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.11.2015

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah penyelesaian isu-isu 1MDB seperti yang diminta oleh Gabenor Bank Negara bagi menyelesaikan masalah Ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, Ringgit Malaysia merupakan salah

satu daripada mata wang yang telah mengalami penurunan nilai disebabkan oleh kejatuhan mendadak dalam harga minyak, jangkaan kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat dan kebimbangan kelembapan ekonomi di pasaran baru (*emerging markets*, dengan izin). Selain daripada Ringgit Malaysia, antara mata wang yang turut mengalami penurunan nilai adalah Norwegian Kroner, Dolar Australia, Rouble Rusia dan Real Brazil.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini, pada 18 Februari 2015, 1MDB telah mengumumkan hasil kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) syarikat tersebut. Pada 29 Mei 2015, susulan daripada pengumuman hasil kajian strategik 1MDB, Kerajaan akan melaksanakan Pelan Rasionalisasi 1MDB. Pelan Rasionalisasi ini menggariskan strategi dan langkah-langkah yang akan diambil oleh 1MDB untuk membayar balik hutang syarikat.